

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 2 Mac 2021 4:22 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: TNC (A&A) INGATKAN MPP GUNAKAN SALURAN BETUL



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

2 MAC 2021 / 18 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohamad Nizwan Awang
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TNC (A&A) INGATKAN MPP GUNAKAN SALURAN BETUL



UUM ONLINE: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahimi Mohtar mengingatkan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2020/2021 agar menggunakan saluran betul untuk menyampaikan sebarang permasalahan atau isu di universiti.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan perjumpaan bersama MPP di Bilik Senat semalam dan pada masa sama mengucapkan tahniah kepada semua ahli yang telah dipilih menjadi Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Menurutnya, perjumpaan tersebut adalah hasil daripada sesi perjumpaan terdahulu yang mana MPP telah membawa 11 usul berkaitan akademik untuk diambil tindakan.

"Saya perlukan sedikit masa untuk meneliti usul ini dan berbincang dengan Jabatan Hal Ehwal Akademik (JHEA) untuk kajian dan tindakan lanjut yang diketuai oleh Prof. Dr. Nurahimah Mohd Yusoff.

"Dalam pada itu, saya berharap MPP dapat mambantu universiti berkaitan dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan ketika proses kemasukan semula pelajar ke kampus tidak lama lagi. MPP juga diharapkan agar menggunakan media sosial dengan betul di samping mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan atau berjumpa terus dengan saya," katanya.

Tambah beliau, MPP juga perlu membantu menjaga nama baik universiti dan membantu menyampaikan maklumat kepada semua pelajar di atas usaha yang telah dan sedang diusahakan universiti dan JHEA.

Sementara itu, Yang Dipertua MPP, Muhammad A'linur Ahlam Abu Bakar meluahkan rasa terharu kepada Timbalan Naib Canselor (A&A) dan JHEA kerana meluangkan masa berjumpa semua ahli MPP.

"Perjumpaan ini sangat berharga kerana telah menerima 11 usul yang telah kami cadangkan dan memberi peluang kepada MPP untuk terus membuat penyelidikan dalam hal pengajaran dan pembelajaran ke arah penambahbaikan yang akan memberikan manfaat serta meningkatkan kualiti pendidikan kepada pelajar.

"MPP UUM akan terus membantu pihak pengurusan agar pembelajaran akan bertambah baik dari semasa ke semasa dalam kita menghadapi pandemik Covid-19," katanya.

Pertemuan bersama MPP yang diadakan secara bersemuka itu mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.